

08/04/2001

Usaha tarik sokongan perlu digiatkan

GUA MUSANG: Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan seluruh ahli parti perlu memberi perhatian serius terhadap usaha mengembangkan Umno khususnya di Kelantan agar menjadi parti terbesar di negeri itu.

Sehubungan itu, katanya, usaha menarik sokongan perlu ditingkatkan dengan tumpuan kepada generasi muda yang kini semakin ramai dihasut Pas dengan pelbagai dakwah dan pembohongan.

Menurutnya, apabila Umno menjadi parti terbesar dan kuat di Kelantan, akan memudahkan usaha mengembalikan semula kuasa pemerintahan negeri kepada Umno.

"Sebab itu, amat penting sekali kita semua (ahli Umno) berusaha mengembangkan lagi Umno dan menarik generasi muda yang sudah dihasut Pas supaya Umno sekali lagi berkembang menjadi satu parti terbesar di Kelantan ini.

"Dengan itu, kita dapat pulihkan semula Umno dan dapat rebut semula kuasa di Kelantan pada 2004," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung perwakilan Umno bahagian Gua Musang, di Balai Rakyat Bukit Chekati, dekat sini semalam.

Turut hadir, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob; Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed dan Ahli Parlimen Gua Musang yang juga Ketua Umno bahagian itu, Tengku Razaleigh Hamzah.

Dr Mahathir berkata, ia menjadi tugas berat yang perlu dipikul semua pihak dalam usaha mengembalikan kekuatan Umno di Kelantan.

Katanya, tanggungjawab itu sebenarnya bukan kepada parti dan pemimpin tetapi untuk menjaga agama, bangsa dan negara yang menjadi teras perjuangan parti.

"Ahli Umno di Kelantan mempunyai tanggungjawab amat berat bukan terhadap parti dan pemimpin, bukan saya (Presiden Umno), tapi terhadap bangsa kita, agama dan negara. Dengan menyokong dan memperkukuhkan Umno maka kita akan dapat menyelamatkan bangsa Melayu, agama Islam dan negara," katanya.

Menyentuh rekod Umno, Perdana Menteri berkata, Umno sudah membuktikan kebolehannya membangunkan negara sebaik mula mencapai kemerdekaan serta tidak lupa tanggungjawab terhadap agama dan membela nasib rakyat.

"Rekod kita (Umno) membuktikan kebolehannya dalam pembangunan negara, Umno juga tidak lupa tanggungjawabnya terhadap agama tetapi kita bukan mengamalkan menggunakan agama Islam dengan memburukkan orang lain.

"Sebaliknya, kita membuat perkara lebih penting dan jangan lupa apabila kita memberi pelajaran kepada rakyat, ia juga memenuhi tuntutan Islam. Tetapi, apakah yang dibuat Pas melainkan memecah belah, mengkafirkan orang Islam, sembahyang dua imam, melemparkan fitnah dan membuat tuduhan yang bukan-bukan, menghina orang lain bahkan menghina Tuhan (Allah).

"Saya harap rakyat Kelantan terus membuat penilaian baik dan menolak yang buruk, sebaliknya memberikan sokongan dan menjayakan yang baik," katanya.

Sebab itu, katanya rakyat harus meneliti rekod Umno yang ditunjukkan sejak merdeka lagi sehingga berjaya menjadi antara negara termaju di kalangan negara-negara membangun di dunia.

"Banyak negara mencapai kemerdekaan bersama kita tetapi mereka sekarang masih jauh ketinggalan. Yang dulu (mencapai kemerdekaan) daripada kita juga masih ketinggalan," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Perdana Menteri berkata, beliau kecewa dengan tindak tanduk Pas kerana parti itu menggagalkan orang Islam dan melakukan perkara bertentangan dengan agama.

Katanya, parti itu terus menipu pengikutnya sehingga mereka terus menyokong Pas.

"Kita terang macam mana pun kepada pengikut Pas, dia kata dia betul dia Islam. Sebenarnya, dia jauh daripada Islam bahkan mengkhianati perjuangan orang Islam," katanya.

Ditanya mengenai serangan Umno terhadap Pas, Dr Mahathir berkata, perkara itu perlu disuarakan dan jika Umno senyap ia (Pas) akan lebih berjaya.

"Saya tak tahu, sekurang-kurangnya orang Umno tak akan tertarik (dengan Pas). Orang Pas taksub dengan Pas biarlah, kita tak boleh dah nak betulkan mereka tapi orang Umno jangan terpedaya dengan hujah-hujah Pas," katanya.

Mengenai tindakan menyerang Pas boleh menjejaskan pertemuan Umno-Pas, Perdana Menteri berkata pertemuan itu hanya mengenai perkara berkaitan kepentingan orang Melayu.

"Dia (Pas) Melayu, kita (Umno) pun Melayu. Jadi, dalam perkara itu kita boleh bersatu. Bukan bersatu sehingga nak buat pertubuhan cuma bersatu dalam mengadakan pendirian saja.

"Bila saya kata macam ini (serang Pas) orang kata ini akan menjejaskan perjumpaan perpaduan Melayu ni... tapi sepanjang masa kita usaha untuk mengadakan rundingan perpaduan ini, Pas mengecam kita sepanjang masa. Satu hari sampai 100 ceramah maki kita, kata macam-macam, panggil saya Firaun," katanya.

Mengenai kenyataan Tengku Razaleigh mahukan Perdana Menteri terus menerajui parti dan pemimpin negara, beliau berkata:

"Saya ni dah tua dah... patut pencen dah... tapi kalau orang nak suruh saya buat kerja, saya buat kerjalah."

(END)